



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JMG 314 – Geomorfologi**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** (4) soalan daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. “Struktur geologi adalah faktor kawalan yang dominan terhadap evolusi bentuk muka bumi di sesuatu kawasan”. Bincangkan dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.  
(25 markah)
2. Bincangkan tentang empat (4) jenis gelinciran dan jelaskan bagaimana setiap jenis gelinciran tersebut mempengaruhi pembentukan bentuk muka bumi di dunia ini.  
(25 markah)
3. Bagaimanakah proses luluhawa kimia berlaku dan sejauh mana ia dapat mengukir pandang darat di kawasan beriklim Tropika Lembab?  
(25 markah)
4. “Penambahan air pada cerun akan meningkatkan tekanan air liang dan mengurangkan tegasan berkesan atau ketahanan tanah pada cerun yang tepu dengan air”. Bincangkan.  
(25 markah)
5. Namakan bentuk-bentuk muka bumi akibat daripada hakisan sungai dan jelaskan bagaimana setiap bentuk muka bumi tersebut terbentuk.  
(25 markah)
6. Bincangkan bagaimana bentuk muka bumi terjadi akibat daripada hakisan glasier hasil daripada perubahan iklim dunia.  
(25 markah)